

Permohonan gabung tujuh pertuduhan Muhyiddin didengar Disember

KUALA LUMPUR: Mahkamah Sesyen di sini menetapkan 9 dan 10 Disember ini bagi mendengar permohonan pihak pendakwaan agar tujuh pertuduhan yang dihadapi Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, digabung dan dibicarakan secara bersama.

Bekas Perdana Menteri itu menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk suapan RM232.5 juta dan tiga pertuduhan pengubahan wang haram melibatkan wang RM200 juta.

Hakim Azura Alwi menetapkan tarikh sama bagi mendengar hujah pihak pembelaan untuk membatalkan permohonan penggabungan pertuduhan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin turut memohon tarikh perbicaraan ditetapkan tahun depan.

Bagaimanapun, Azura memaklumkan mahkamah juga mempunyai kes lain dan hanya berkelapangan untuk mendengar perbicaraan itu sekitar Mei tahun depan.

Namun demikian, Amer Hamzah mencadangkan tarikh bicara dibincangkan terlebih dahulu kerana pasukan pembelaan perlu berbincang dengan Datuk Hisyam Teh Poh Teik yang merupakan peguam utama kes tersebut.

Azura turut menetapkan 3 Oktober ini bagi mendengar permohonan Muhyiddin mendapatkan sementara pasportnya untuk perjalanan ke luar negara selain mengemas kini tarikh perbicaraan kes.

Semalam ditetapkan untuk sebutan bagi memaklumkan perkembangan prosiding semakan di Mahkamah Rayuan

Ekoran keputusan Mahkamah Rayuan, Muhyiddin kekal dibicarakan bagi tujuh pertuduhan termasuk tiga pertuduhan pengubahan wang haram.”

yang diputuskan awal bulan ini.

Pada 11 September lalu, panel lima hakim diketuai oleh Datuk Azizah Nawawi menolak permohonan Muhyiddin untuk menyemak keputusan satu panel lain pada 28 Februari lalu yang mengembalikan empat pertuduhan salah guna kuasa terhadapnya.

Keempat-empat pertuduhan tersebut sebelum ini dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi pada 15 Ogos 2023.

Ekoran keputusan Mahkamah Rayuan, Muhyiddin kekal dibicarakan atas tujuh pertuduhan termasuk tiga pertuduhan pengubahan wang haram.

Mengikut pertuduhan pertama hingga keempat, Muhyiddin didakwa sebagai Perdana Menteri dan Presiden Bersatu telah menggunakan kedudukannya untuk suapan masing-masing RM200 juta, RM1 juta, RM19.5 juta dan RM12 Juta, kesemuanya berjumlah RM232.5 juta yang diterima daripada tiga buah syarikat dan seorang individu bagi Bersatu.